

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM Press
Sent: Tuesday, April 2, 2019 7:40 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Madya Dr. Ram Al Jaffri Bin Saad; Umisofian Bt Md Yusuf
Subject: RESENSI BUKU "MENULIS SITCOM: MENCONTOHI PI MAI PI MAI TANG TU" IMBAU KEMBALI KENANGAN SITKOM



2 April 2019 / 26 Rejab 1440H

Assalamualaikum W.B.T

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Dr/Tuan/Puan

RESENSI BUKU "MENULIS SITCOM: MENCONTOHI PI MAI PI MAI TANG TU" IMBAU KEMBALI KENANGAN SITKOM



UUM PRESS ONLINE: Kehadiran Imuda dan Sathiya yang memegang watak "Budin" dan "Ravi" telah mengembalikan nostalgia penonton yang hadir dalam Majlis Resensi buku "Menulis Sitcom: Mencontohi Pi Mai Pi Mai Tang Tu". Kedua-dua pelakon berkenaan antara pemegang teraju utama sitkom Pi Mai Pi Mai Tang Tu yang merupakan program televisyen yang bertahan paling lama di kaca tv.

Drama sitkom yang bermula dari tahun 1985 dan berakhir pada 2004 dengan 500 episod itu merupakan hasil ciptaan Prof. Dr. Hatta Azad Khan. Sitkom Pi Mai Pi Mai Tang Tu juga menjadi sejarah dalam dunia penyiaran di Malaysia apabila menjadi program televisyen yang bertahan paling lama.

Melalui resensi buku ini, penonton telah ditunjukkan bagaimana hasil penulisan skrip dilakonan berdasarkan penulisan yang telah dihasilkan oleh penulis buku iaitu Prof. Dr. Hatta Azad Khan yang juga merupakan tulang belakang kepada penghasilan drama sitkom berkenaan.

Buku “Menulis Sitcom: Mencontohi Pi Mai Pi Mai Tang Tu” ini ditulis khusus bagi memberikan serba sedikit gambaran bagaimana idea sebuah drama komedi yang asalnya dipentaskan sebagai sebuah produksi teater, boleh dikembangkan menjadi siri televisyen yang diminati ramai.

Buku ini turut dilengkapi contoh skrip dan cara menyediakan kertas kerja cadangan untuk dihantar kepada penerbit atau stesen televisyen. Kaedah menulis sitkom dimulai dengan mengenali sejarah luar dan dalam negara, mengkaji kelainan sitkom berbanding genre lain, mengenali struktur dan elemen, mencipta watak dan seterusnya memilih tajuk yang sesuai.

Buku setebal 148 halaman terbitan UUM Press ini boleh dijadikan panduan yang sangat sesuai dan berguna oleh tenaga pengajar serta pelajar yang mengambil jurusan penulisan skrip di pusat pengajian tinggi atau sesiapa saja yang mempunyai minat dalam penulisan skrip dan mahu mencuba menulis sitkom.

Pembaca boleh menjadikan dua buah naskhah daripada siri Pi Mai Pi Mai Tang Tu iaitu Episod Hangus (Bahagian I dan II) dan Episod Kumbang (Bahagian I dan II) sebagai contoh yang boleh diikuti.

Buku ini boleh didapati dari reruai UUM Press dan juga Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2019 (PBAKL 2019) yang sedang berlangsung dari 29 Mac hingga 7 April 2019 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra Kuala Lumpur.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.